



JAWATANKUASA PENYELIDIKAN FAIZUDDIN CENTRE OF EDUCATIONAL EXCELLENCE

PANDUAN PENYELIDIKAN

EDISI 2026

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	4
2.0	PERANAN FAIZUDDIN CENTRE OF EDUCATIONAL EXCELLENCE	4
3.0	KELAYAKAN	5
	KETUA PENYELIDIK.....	5
	PERANAN KETUA PENYELIDIK	5
	PERTUKARAN KETUA PENYELIDIK	5
	PEMANGKUAN KETUA PENYELIDIK	6
	AHLI PENYELIDIK.....	7
	PERANAN AHLI PENYELIDIK	7
	PERTAMBAHAN ATAU PENGGUGURAN AHLI PENYELIDIK.....	7
4.0	TEMPOH PENYELIDIKAN... ..	8
5.0	PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN... ..	8
6.0	HASIL PENYELIDIKAN.....	9
7.0	PERSIDANGAN DALAM NEGARA.....	9
8.0	PERSIDANGAN LUAR NEGARA.....	10
9.0	DOKUMEN PERJANJIAN.....	12
10.0	TATACARA KEWANGAN	12
	KOD PENYELIDIKAN	12
11.0	PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN WANG PENYELIDIKAN.....	12
12.0	PENGURUSAN PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG).....	13
13.0	PENGURUSAN ASET, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	15
14.0	INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN	15

1.0 PENGENALAN

- Panduan Penyelidikan ini disediakan kepada penyelidik-penyelidik yang ditawarkan geran penyelidikan jangka pendek di bawah skim geran penyelidikan Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE).

Dana penyelidikan dikategorikan seperti berikut:

- **Dana Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE)** merupakan dana yang diperuntukkan oleh pengurusan FCoEE melalui agihan holistik MAIPs. Contoh geran dana FCoEE ialah Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG).

2.0 PERANAN JAWATANKUASA PENYELIDIKAN FCoEE

- JK Penyelidikan FCoEE juga bertanggungjawab untuk mengurus dan memantau aktiviti-aktiviti penyelidikan bermula dari permohonan geran hingga ke penutupan geran;
- Menguruskan proses penilaian geran penyelidikan dengan telus;
- Memantau kemajuan penyelidikan selaras dengan ketetapan pihak pembiaya;
- Mengenalpasti dan melantik panel penilai berdasarkan kepakaran yang berkaitan;
- FCoEE bertanggungjawab mengurus kewangan meliputi penyediaan agihan perbelanjaan vot dan perbelanjaan mengikut prosedur FCoEE serta pihak pembiaya dari masa ke semasa;
- Mengurus aset yang dibeli melalui peruntukan geran penyelidikan mengikut prosedur dan piawaian FCoEE pihak pembiaya dari masa ke semasa;
- Memberi taklimat pengurusan penyelidikan kepada penyelidik;
- Mengendalikan latihan berkaitan penyelidikan dan inovasi secara berterusan.

3.0 KELAYAKAN

- 3.1 Semua pemohon adalah layak untuk memohon sebarang geran penyelidikan dengan tertakluk kepada syarat-syarat geran tertentu. Semua permohonan penyelidikan perlulah dibuat melalui JK Penyelidikan FCoEE.
- 3.2 Bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG), Ketua Penyelidik perlu mengemukakan bukti tahap kemajuan projek pada kadar 70% sebelum memohon geran penyelidikan STG yang baru. Penyelidik yang telah disenarai hitamkan oleh pembiaya tidak layak untuk memohon.
- 3.3 Penglibatan pemohon atau penyelidik dalam geran penyelidikan perlulah selaras dengan kepakaran bidang.

KETUA PENYELIDIK

3.4 PERANAN KETUA PENYELIDIK

- 3.4.1 Ketua Penyelidik atau *Principal Investigator (PI)* merupakan penyelidik yang mengetuai sesuatu penyelidikan/projek.
- 3.4.2 Ketua Penyelidik bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan sepertimana kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang diluluskan, antaranya merangkumi skop, objektif, jangkaan hasil, carta perbatuan, belanjawan dan lain-lain terma yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian.
- 3.4.3 Ketua Penyelidik juga bertanggungjawab untuk mengurus dan memantau ahli- ahli dalam penyelidikan.
- 3.4.4 Syarat untuk menjadi Ketua Penyelidik bagi sesebuah geran penyelidikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pembiaya (jika ada).

PERTUKARAN KETUA PENYELIDIK

- 3.4.5 Ketua Penyelidik perlu melepaskan kedudukan sebagai ketua apabila tidak dapat menjalankan peranannya melebihi tempoh tiga (3) bulan dan perlu mengemukakan permohonan pertukaran kepada JK Penyelidikan FCoEE jika memenuhi syarat- syarat seperti berikut:

- a) Cuti sakit (melebihi 3 bulan); atau
- b) Sebab-sebab lain (perlu mendapat perakuan FCoEE)

- 3.4.6 Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pertukaran ketua penyelidik baharu untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat JK Penyelidikan FCoEE.
- 3.4.7 Ketua Penyelidik perlu mengemukakan cadangan pengganti yang bersesuaian dari segi kepakaran untuk menggantikannya. JK Penyelidikan FCoEE bertanggungjawab untuk memastikan pengganti ketua penyelidik layak untuk menjadi ketua baharu.
- 3.4.8 Pengganti ketua penyelidik perlulah dari kalangan penyelidik bersama sedia ada dengan tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dalam kumpulan penyelidikan tersebut.
- 3.4.9 Sekiranya tiada penyelidik bersama sedia ada yang mampu mengambil peranan sebagai ketua, Ketua Penyelidik boleh mengemukakan pencalonan nama penyelidik baharu yang sesuai kepada JK Penyelidikan FCoEE. Kelulusan dan tindakan yang perlu diambil oleh JK Penyelidikan FCoEE seperti berikut:
- a) Memperaku pelantikan ketua baharu bagi meneruskan projek penyelidikan tersebut; atau
 - b) Projek penyelidikan hendaklah ditamatkan jika tiada penyelidik yang bersesuaian untuk mengambil alih peranan sebagai ketua dan baki peruntukan tidak boleh digunakan.

PEMANGKUAN KETUA PENYELIDIK

- 3.4.10 Pemangkuan Ketua Penyelidik perlu dibuat apabila ketua penyelidik tidak dapat menjalankan tugas seperti:
- a) Cuti bersalin;
 - b) Cuti sakit yang melebihi 1 bulan tetapi kurang dari 3 bulan;
 - c) Menunaikan haji atau umrah; atau
 - d) Sebab-sebab lain
- 3.4.11 Ketua Penyelidik perlu menyatakan tempoh masa memangku iaitu tarikh mula hingga tarikh tamat memangku.
- 3.4.12 Pemangku Ketua Penyelidik perlulah dari kalangan ahli penyelidik.

3.5 AHLI PENYELIDIK

PERANAN AHLI PENYELIDIK

- 3.5.1 Penyelidik bertanggungjawab menyumbang secara aktif dalam projek penyelidikan bagi mencapai objektif penyelidikan, membantu penyediaan laporan prestasi, kewangan dan laporan akhir.
- 3.5.2 Penyelidik perlu mematuhi etika penyelidikan dan tertakluk kepada apa-apa kaedah dan peraturan FCoEE dari masa ke semasa.
- 3.5.3 Ketua Penyelidik perlu memastikan setiap ahli dalam projek penyelidikan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing seperti mana yang telah dipersetujui dalam memastikan perancangan bagi projek penyelidikan tersebut berjalan lancar dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam proposal.

PERTAMBAHAN ATAU PENGGUGURAN AHLI PENYELIDIK

- 3.5.4 Pertambahan atau pengguguran ahli penyelidik adalah tidak digalakkan; melainkan terdapat keperluan khusus. Sekiranya terdapat keperluan untuk pertambahan atau pengguguran ahli penyelidik bersama, Ketua Penyelidik perlu mengemukakan permohonan kepada FCoEE.
- 3.4.5 Sebarang penambahan atau pengguguran ahli penyelidik perlulah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pembiaya dan bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG), hanya dibenarkan sekali sahaja bagi pertambahan dan pengguguran ahli kecuali dengan justifikasi yang kukuh.
- 3.4.6 Bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek, Ketua Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat penambahan atau pengguguran ahli projek dalam tempoh kurang tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek kecuali dengan justifikasi yang kukuh.

4.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

- 4.1 Tempoh penyelidikan bagi satu-satu geran adalah bergantung kepada jenis geran dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pembiayaan.
- 4.2 Pelaksanaan projek penyelidikan ini perlu mematuhi pekeliling, prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh FCoEE dari masa ke semasa.
- 4.3 Bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek FCoEE tempoh penyelidikan adalah tidak melebihi 6 bulan.
- 4.4 Ketua Penyelidik perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran output yang telah diluluskan berdasarkan proposal.

5.0 PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN

- 5.1 Sekiranya Ketua Penyelidik memerlukan pelanjutan tempoh penyelidikan bagi meneruskan kelangsungan projek tersebut, Ketua Penyelidik perlu mengemukakan permohonan yang lengkap merangkumi justifikasi kukuh dan keperluan pelanjutan berserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.
- 5.2 Pemohonan pelanjutan tempoh penyelidikan hanya dibenarkan sekali sahaja dan tempoh pelanjutan yang dibenarkan adalah maksimum satu (1) bulan sahaja atau mengikut syarat yang ditetapkan oleh pihak pembiayaan.
- 5.3 Justifikasi pelanjutan tempoh yang tidak boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:
 - a) Menghadiri persidangan (dalam dan luar negara);
 - b) Membayar gaji Pembantu Penyelidik (RA);
 - c) Membuat perolehan aset;
 - d) Sebab-sebab lain dengan justifikasi yang tidak kukuh dan tidak jelas.
- 5.4 Pemohonan perlanjutan penyelidikan/projek perlu dikemukakan kepada FCoEE dalam masa satu (1) bulan sebelum tarikh tamat penyelidikan. Permohonan yang lewat dikemukakan iaitu hampir dengan tarikh akhir projek atau selepas tarikh akhir projek tidak akan dipertimbangkan.

6.0 HASIL PENYELIDIKAN

- 6.1 Hasil penyelidikan bagi sesebuah geran adalah bergantung kepada syarat- syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pembiayaan.
- 6.2 Bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) FCoEE hendaklah:
- a) Menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks Scopus/WoS, atau
 - b) Menerbitkan dua (2) artikel dalam jurnal berwasit (*peer reviewed journal*), atau
 - c) Menghasilkan satu (1) kertas polisi, atau
 - d) Menerbitkan satu (1) bab dalam buku yang diterbitkan oleh Penerbit Dalam/Luar Negara yang diiktiraf oleh FCoEE, atau
 - e) Pendaftaran mana-mana harta intelek.

7.0 PERSIDANGAN DALAM NEGARA

- 7.1 Penyelidik boleh menggunakan peruntukan geran penyelidikan yang telah diluluskan didalam proposal bagi menghadiri persidangan dalam negara;
- 7.2 Jumlah pembiayaan dan kekerapan untuk menghadiri persidangan dalam negara menggunakan peruntukan geran penyelidikan adalah bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pembiayaan;
- 7.3 Penyelidik dibenarkan untuk menghadiri persidangan dalam negara bagi membentangkan kertas kerja penuh secara lisan/atas talian ataupun poster yang akan menerbitkan artikel penuh berwasit sahaja; dan
- 7.4 Persidangan yang dihadiri hendaklah berkaitan secara terus dengan penyelidikan yang sedang dijalankan.

8.0 PERSIDANGAN LUAR NEGARA

- 8.1 Penggunaan peruntukan geran penyelidikan bagi menghadiri persidangan ke luar negara dibenarkan untuk pembentangan kertas kerja penuh secara lisan sahaja yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks sahaja.
- 8.2 Penyelidik perlu mematuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan oleh FCoEE dan pihak pembiaya bagi menghadiri persidangan di luar negara bertujuan membentangkan kertas kerja penuh secara lisan.
- 8.3 Penyelidik juga perlu mematuhi syarat-syarat umum menghadiri persidangan di luar negara bagi membentangkan kertas kerja penuh secara lisan seperti berikut:
 - a) Persidangan yang berkaitan secara terus dengan penyelidikan;
 - b) Perjalanan menggunakan laluan dan tambang paling murah;
 - c) Hanya dibenarkan sekali perjalanan pembentangan ke luar negara dalam tempoh pelaksanaan bagi setiap projek yang diluluskan;
 - d) Maksimum bilangan penyelidik dalam projek yang sama bagi menghadiri persidangan yang sama adalah satu (1) orang sahaja;
 - e) Berpotensi untuk mewujudkan rangkaian untuk mendapatkan geran antarabangsa;
 - f) Tidak dibenarkan menghadiri persidangan luar negara yang dianjurkan oleh penganjur tempatan;
 - g) Telah diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (proposal);
 - h) Tertakluk kepada kecukupan baki geran penyelidikan.

9.0 DOKUMEN PERJANJIAN

- 9.1 Dokumen perjanjian adalah perjanjian antara FCoEE dengan penerima geran yang perlu ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- 9.2 Penyelidik perlu menjalankan geran penyelidikan yang diterima mengikut dokumen perjanjian yang ditandatangani.
- 9.3 Pihak penerima geran tidak dibenarkan untuk membuat sebarang pindaan terhadap dokumen perjanjian.

10.0 TATACARA KEWANGAN

10.1 KOD PENYELIDIKAN

- 10.1.1 FCoEE bertanggungjawab menyediakan satu Kod Projek (akaun penyelidikan) bagi tiap-tiap satu projek penyelidikan yang diluluskan dan didaftarkan bagi menyelaraskan dan mengawasi aktiviti penyelidikan.
- 10.1.2 Semua perbelanjaan dan penerimaan akan di kredit atau di debit ke dalam akaun penyelidikan masing-masing.
- 10.1.3 FCoEE bertanggungjawab untuk menguruskan permohonan untuk mendapatkan Kod Projek bagi setiap penyelidikan.
- 10.1.4 Penyelidik akan diberikan Kod Projek (akaun Penyelidikan) untuk rujukan dan pengurusan kewangan penyelidikan.

11.0 PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN WANG PENYELIDIKAN

- 11.1 Wang Penyelidikan adalah tertakluk kepada peraturan pihak pembiaya/RMC institusi penyelidik.
- 11.2 Semua perbelanjaan wang penyelidikan hendaklah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pembiaya/RMC institusi penyelidik yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 11.3 Semua tuntutan perbelanjaan penyelidikan perlu dihantar ke RMC institusi penyelidik untuk tujuan semakan dan pengesahan sebelum diproses.

12.0 PENGURUSAN PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG)

- 12.1 Peruntukan maksimum bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) adalah sebanyak RM10,000.00 bergantung kepada kategori permohonan.
- 12.2 Penyelidik digalakkan untuk mendapatkan dana tambahan daripada organisasi luar dalam bentuk tunai ataupun *in kind*, namun ia perlulah dimaklumkan dan mendapat kelulusan JK FCoEE terlebih dahulu.
- 12.3 Geran penyelidikan STG hendaklah kekal di institusi penyelidik yang asal. Sekiranya Ketua Penyelidik berpindah institusi, Ketua Penyelidik tidak dibenarkan untuk memindahkan geran penyelidikan tersebut kepada institusi baharu. Ketua Projek baharu hendaklah dilantik bagi meneruskan penyelidikan tersebut.
- 12.4 Ketua Projek tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian dan penggunaan peruntukan yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan seperti berikut:
 - a) Peralatan komunikasi;
 - b) Langganan sebarang bentuk perkhidmatan internet;
 - c) Peralatan dan aksesori pejabat;
 - d) Pembelian mesin pencetak;

- e) Pembelian komputer;
 - f) Peralatan stor;
 - g) Pembelian bahan rujukan;
 - h) Membayar sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas;
 - i) Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran;
 - j) Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- 12.5 Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek penyelidikan. Segala perbelanjaan yang tidak dituntut sebelum tarikh tamat projek akan luput dan tidak boleh dibayar selepas akaun projek tutup.
- 12.6 Penyelidik juga tidak dibenarkan untuk menggunakan baki peruntukan tersebut bagi menampung lebihan perbelanjaan yang dilakukan oleh sesuatu projek penyelidikan yang lain.
- 12.7 Projek penyelidikan dengan status tamat, tidak aktif atau ditamatkan hendaklah memulangkan baki penyelidikan tersebut kepada pihak FCoEE.
- 12.8 Setiap prosedur pengurusan kewangan dan perolehan hendaklah mematuhi pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan oleh FCoEE dan peraturan kewangan.
- 12.9 Ketua Penyelidik dinasihati untuk menyemak baki dan syarat-syarat kewangan geran penyelidikan atau merujuk kepada pihak FCoEE/ RMC institusi penyelidik terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pembelian atau perbelanjaan.
- 12.10 Tuntutan perbelanjaan penyelidikan hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Perbelanjaan Penyelidikan dengan mengemukakan resit bagi setia tuntutan.
- 12.11 Ringkasan penggunaan peruntukan Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) adalah seperti berikut:

Peruntukan	Maklumat Peruntukan
Vot 11000 – Upah dan Elaun	Pembantu Penyelidik (RA) atau Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) tidak boleh dilantik atau diupah dibawah peruntukan STG. Namun, penyelidik boleh melantik Pembantu Kerja Lapangan dan pembayaran upah tidak boleh melebihi 25% daripada jumlah geran.
Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan	Merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan geran penyelidikan. Fot ini juga termasuk yuran pendaftaran bagi menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium bagi membentangkan hasil penyelidikan. Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi) perlu memenuhi kriteria seperti berikut: • Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah diluluskan. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. • Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan. • Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi. • Perjalanan ke luar negara mestilah mengikut peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh FCoEE dari masa ke semasa.
Vot 24000 – Sewaan	Sewaan dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.
Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan	Perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.
Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsui	Perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan ketika penyelidikan masih aktif. Selepas geran penyelidikan tamat, kos penyelenggaraan ini tidak lagi ditanggung oleh FCoEE.
Vot 29000 – Perkhidmatan	Vot ini meliputi lain-lain caj perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorium, pengurusan, perkhidmatan

Ikhtisas	konsultasi, penggunaan komputer, pemrosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan geran penyelidikan.
Vot 35000 – Aksesori dan	Pembelian aset tidak dibenarkan.

13.0 PENGURUSAN ASET, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

- 13.1 Pembelian dan perolehan aset tidak dibenarkan. Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan dan dinyatakan dalam proposal yang diluluskan.
- 13.2 Sekiranya terdapat keperluan untuk membeli aset yang tiada dalam proposal, permohonan perlu dikemukakan melalui FCoEE untuk pertimbangan dan kelulusan pihak pembiaya.
- 13.3 Ketua Penyelidik perlu memastikan dokumen permohonan yang lengkap dikemukakan kepada FCoEE merangkumi justifikasi dan keperluan pembelian aset berserta dokumen sokongan (jika berkaitan).
- 13.4 Pembelian aset hanya boleh dilakukan oleh Ketua Penyelidik sahaja dan Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk sebarang urusan kewangan dan perolehan.
- 13.5 Setiap aset perlu didaftar dan diurus mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak pembiaya dan peraturan kewangan FCoEE. Semua aset perlu didaftarkan, direkodkan dan dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran.

14.0 INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN

- 14.1 Penyelidikan beretika mesti diamalkan bagi menghasilkan penyelidikan yang asli dan berkualiti. Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik seperti berikut:
 - a) Menjalankan penyelidikan secara jujur, amanah dan berintegriti (termasuk mengelakkan *conflict of interest*);
 - b) Menggunakan dana penyelidikan secara berhemah; dan
 - c) Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan.

14.2 Salah laku dalam penyelidikan yang mesti dielakkan adalah seperti berikut:

- a) Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuiaan dalam pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan memanipulasi data bagi tujuan penipuan;
- b) Memalsukan dan menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan, membuat kenyataan yang keterlaluan dan menyetepikan laporan kajian terdahulu;
- c) Menyalahguna dana penyelidikan atau tidak mengikut tatacara perolehan dan kewangan yang telah ditetapkan;
- d) Menyalahguna data dan dapatan penyelidikan untuk tujuan negatif;
- e) Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain, meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan;

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila rujuk:
FAIZUDDIN CENTRE OF EDUCATIONAL EXCELLENCE**